

27/01/2003

Kempen bukti pandangan Dr M wakili suara rakyat

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR: Kempen memungut sejuta tandatangan yang dilancarkan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) bertujuan membuktikan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap peperangan mewakili suara rakyat negara ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata sejuta tandatangan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri pada Sidang Puncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13, bulan depan.

"Kita akan mengadakan sidang kemuncak pada 24 dan 25 Februari manakala mesyuarat dari 20 hingga 25 Februari pada peringkat pegawai dan menteri dan tandatangan ini akan diserahkan kepada Dr Mahathir.

"Sebab itu, orang lain tidak boleh memperlekehkan suara Perdana Menteri di arena antarabangsa kerana bukan suara dia (Dr Mahathir) tetapi suara rakyat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia di Pasar Seni, semalam.

Hadir sama, Penyelaras Aman Malaysia, Zulkifli Alwi dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Syed Hamid berkata, kerajaan memuji usaha Aman Malaysia iaitu badan bukan kerajaan (NGO) yang cintakan keamanan menyuarakan isi hati mereka yang bencikan peperangan.

"Saya tengok kerana usaha ini dilancarkan NGO dalam satu perikatan yang bersemangat dan cintakan keamanan. Kempen ini amat baik kerana ia bukan usaha kerajaan dan saya harap boleh mencapai matlamat satu juta," katanya.

Dalam ucapannya, Syed Hamid berkata, usaha Aman Malaysia itu selari dengan usaha Perdana Menteri yang sentiasa tegas dan berani menentang peperangan bukan kerana memusuhi negara yang bercita-cita untuk berperang tetapi sebagai seorang pejuang keamanan.

"Sebab itu amat penting rakyat Malaysia bergabung suara dan tenaga menyokong perjuangan Perdana Menteri yang berusaha supaya tidak berlaku peperangan di Asia Barat dan Iraq," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia harus menyuarakan pandangan, hasrat dan cita-cita bahawa mereka adalah bangsa yang mahukan keamanan dan menolak peperangan.